



DR. MAHATHIR berucap pada Kongres Cendekiawan Melayu II.

2020 Wawasan rakyat

UM 31/10/2003 - 14 PRECISE

Oleh AZNAN BAKAR

KETIKA melancarkan Malaysian Business Council pada 28 Februari 1991, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad secara bersahaja menggariskan dasar Wawasan 2020 yang bakal menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju.

Idea itu diketengahkan ketika beliau membentangkan kertas kerja bertajuk *Malaysia-Melangkah ke Hadapan yang mengandungi satu pemikiran dan rangka kerja mengenai matlamat Malaysia menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020.*

Sebenarnya, ia bukan satu dasar khas tetapi hanya tindakbalas kepada perkembangan ekonomi, sosial dan politik yang berlaku di peringkat nasional dan antarabangsa yang telah memberi cabaran hebat kepada negara.

Ia diketengahkan sebagai satu garis panduan dan rangka kerja mengenai pendekatan yang harus diambil dalam memulakan langkah bagi perjalanan jauh yang akan ditempuh oleh negara.

Bagaimanapun jika dikaji kepada ucapan dan pandangan Dr. Mahathir sejak hari pertama beliau mengambil alih teraju pemerintahan negara, cita-cita beliau untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju sudah lama dizahirkan melalui pelbagai dasar yang diperkenalkan.

Cuma pada majlis pelancaran MBC itu beliau secara jelas menyatakan hala tuju selepas yakin dengan kemampuan negara yang berjaya mengekalkan pertumbuhan memberangsangkan sejak akhir tahun 1980-an.

Jika dilihat dasar-dasar yang diperkenalkan oleh Dr. Mahathir di awal pentadbirannya, beliau secara jelas berusaha meletakkan Malaysia di landasan yang betul bagi mengesap pelbagai bentuk kemajuan.

Sebab itu diperkenalkan sistem peraka waktu bagi memastikan setiap pekerja di negara ini berdisiplin yang merupakan asas kepada kemajuan negara.

Ia diikuti dengan slogan Bersih, Cekap dan Amanah serta Kepimpinan Melalui Teladan yang menuntut setiap kakitangan sama ada di sektor awam mahupun swasta memberikan khidmat yang terbaik negara.

Hasrat itu semakin jelas melalui Dasar Pandang ke Timur dengan menjadikan Korea Selatan dan Jepun sebagai model untuk dicontohi Malaysia terutama amalan kerja mereka.

Ia diikuti pula dengan konsep Pesyarikatan Malaysia pada 1983 yang menjadikan sektor awam dan swasta berjalan seiring dalam pembangunan negara.

Malah dasar penswastaan yang dilaksanakan pada awal tahun 1990-an juga dilihat sebagai satu lagi asas kerajaan dalam menjadikan swasta sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi serta penggerak kemajuan negara.

Semua dasar tersebut telah meletakkan Malaysia di landasan yang betul untuk muncul sebagai salah satu kuasa ekonomi di Asia.

Semuanya mempunyai kaitan dengan Wawasan 2020 yang menjadikan disiplin, amanah, kestabilan politik, perpaduan dan nilai-nilai yang baik di kalangan rakyat sebagai asas untuk mencapai matlamatnya.

Bagaimanapun pengumuman dasar Wawasan 2020 telah menyediakan garis panduan yang jelas mengenai masa depan negara.

Dalam wawasan itu, Dr. Mahathir menggariskan sembilan cabaran yang perlu ditangani jika mahu menjadikan Malaysia sebuah negara maju iaitu:

- Melahirkan sebuah negara Malaysia yang bersatu padu;
- Membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bebas, teguh dan terbentuk jiwanya, yakin akan diri sendiri dan dihormati oleh semua bangsa lain;
- Memupuk dan membina masyarakat demokratik yang matang, mengamalkan sistem demokrasi Malaysia yang berorientasikan masyarakat dan berasaskan muafakat dan musyawarah;
- Mewujudkan sebuah masyarakat yang bertata etika dan bermoral sepenuhnya;
- Mewujudkan masyarakat yang matang, liberal dan toleransi;
- Mewujudkan sebuah masyarakat yang maju dan saintifik;
- Melahirkan sebuah masyarakat yang berhati dan berbudaya penyayang;
- Menjamin sebuah masyarakat yang adil dan saksama ekonominya; dan
- Melahirkan sebuah masyarakat yang makmur dengan ekonomi yang sesungguhnya berdayasaing, dinamik, tahan lasak dan mempunyai daya ketahanan.

Pada beliau tidak ada yang mustahil. Jika dalam tempoh 40 tahun lebih merdeka pelbagai kejayaan telah dicapai, tentu hasrat untuk menjadi negara maju dalam tempoh 20 tahun berikutnya boleh dicapai.

Ketika berucap pada satu majlis di Seremban pada 26 Mei 1991, Dr. Mahathir menjelaskan Wawasan 2020 bukanlah suatu yang dicipta dengan begitu sahaja.

Tetapi ia adalah inspirasi rakyat Malaysia yang mana mereka telah sama-sama menolong menciptakan matlamat 2020 ini.

Katanya, menjadi maju penting untuk memastikan Malaysia kekal merdeka.

Pada beliau sesuatu bangsa itu pasti hanya akan dihormati jika mereka maju.

Untuk maju pula, mereka perlu rajin dan berdisiplin seperti mana rakyat Korea dan Jepun.

"Kalau kita bekerja kuat dengan cara tersusun berdisiplin, kita akan capai kemajuan yang dibayangkan dalam Wawasan 2020," katanya.

Perbandingan yang selalu digunakan oleh Dr. Mahathir ialah negara ini walaupun baru 40 tahun lebih merdeka, namun ia jauh lebih maju berbanding 100 tahun di bawah pemerintahan penjajah Barat.

Bagi Dr. Mahathir tidak ada satu kecekapan atau ilmu yang tidak boleh kuasai askan rakyat negara ini percaya akan kemampuan mereka serta mempunyai tekad yang tinggi.

Wawasan 2020 juga mengajar rakyat Malaysia untuk berpandangan jauh dan tidak mementingkan diri sendiri kerana apa yang diusahakan hasilnya adalah untuk generasi akan datang.

"Kita mesti fikir untuk 30 tahun lagi, untuk anak cucu kita, untuk generasi yang akan datang supaya mereka tidak akan dihina seperti kita dihina oleh orang."

"Kita tidak mahu dihina oleh sesiapa. Kita hendak jadi satu bangsa yang boleh berdiri tegak dan dihormati oleh seluruh dunia," kata beliau.

Itulah yang dikatakan Wawasan 2020. Ia bukan untuk kerajaan sebaliknya wawasan seluruh rakyat Malaysia kerana mereka yang akan menjajaykannya dan mereka juga yang akan mendapat nikmat apabila negara maju.

“Semua dasar tersebut telah meletakkan Malaysia di landasan yang betul untuk muncul sebagai salah satu kuasa ekonomi di Asia”



TENAGA NASIONAL

PESANAN DR. M

BERJAYA atau tidak seseorang atau satu kaum atau bangsa bergantung kepada sifat-sifat yang ada pada individu, kaum ataupun bangsa itu. Jika pihak ini tidak rajin, tidak jujur, tidak mempunyai pandangan jauh, tidak tertib dan tidak mempunyai etika yang mulia, mereka tetap akan gagal.

Perutusan Tahun Baru 1992 pada 31 Disember 1991.